

**TEKS UCAPAN NAIB CANSOLOR UMP DI
MAJLIS PERASMIAN
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PERPUSTAKAAN AKADEMIK (NCOAL)
17 MAC 2015, MS GARDEN**



Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
Salam sejahtera dan Salam Satu Malaysia

Terima kasih saudara Pengacara Majlis

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Yusserie bin Zainuddin
Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Yang Berbahagia Profesor Dr. Wan Azhar Bin Wan Yusoff,
Timbalan Naib Canselor, Akademik dan Antarabangsa

Yang Dihormati Pembentang Ucaptama
Yang Mulia Dato Profesor Dr. Haji Raja Abdullah Bin Raja Yaacob

Dan

Yang Hormat Profesor Dato Dr Ir Badrulhisham Bin Abdul Aziz

Yang Berbahagia,
Tuan Haji Ruslan Che Pee, Ketua Pustakawan

Yang Berusaha
Cik Kamariah Gono, Timbalan Ketua Pustakawan
Merangkap Pengerusi Persidangan Kebangsaan Perpustakaan Akademik

Ketua-ketua pustakawan

Para pembentang kertas persidangan

Tetamu jemputan,

Tuan-tuan dan puan-puan para peserta persidangan yang saya hormati sekalian.

1. Terlebih dahulu marilah kita sama-sama merafakkan syukur kehadiran Ilahi kerana dengan izin-Nya dapat dipertemukan di persidangan yang sangat bermanfaat ini .

Persidangan Kebangsaan Perpustakaan Akademik atau National Conference on Academic Library (NCOAL) ini julung kali diadakan oleh Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang dan ia memfokuskan kepada penarafan sesebuah institusi pengajian tinggi.

Walaupun persidangan ini dianjurkan oleh pihak perpustakaan, namun skop perbincangan mencakupi aspek penerbitan, penyelidikan, pengurusan ilmu, teknologi, pengurusan data serta rekod dalam penarafan sesebuah universiti.

2. Saya berasa amat gembira kerana persidangan ini dihadiri 17 buah Universiti Awam serta 15 institusi pengajian tinggi swasta dan agensi lain. Ini membuktikan halatuju dan matlamat untuk menaikkan ranking institusi masing-masing menjadi prioriti kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Sama ada tuan-puan dari institusi pengajian tinggi yang telah menempa nama atau IPT yang masih baharu, tetapi semangat untuk setanding universiti yang berprestij amat penting untuk kita terus mara ke depan merentasi benua.

3. Penarafan bukan sahaja penting untuk promosi sesebuah institusi tetapi juga membuktikan kemampuan sesebuah organisasi mentadbir urus dengan cemerlang hingga diiktiraf dan diterjemahkan dalam bentuk anugerah, bintang dan sebagainya. Bahkan peruntukan sesebuah IPT bergantung kepada pencapaian mereka.
4. Terdapat lima (5) penarafan dunia (World Ranking) yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu:
 - i. WEBOMETRICS,
 - ii. Times Higher Education (THE),
 - iii. Academic Ranking of World Universities (ARWU)-Shanghai Ranking,
 - iv. Quacquarelli Symonds dan
 - v. UI Green Metric.

PENARAFAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

5. Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,
Sebagai sebuah organisasi, pengiktiran oleh badan-badan tertentu merupakan suatu yang amat bermakna dan diibaratkan seperti promosi percuma yang diberikan oleh agensi penarafan. Ia bukan boleh dicapai dalam sekelip mata, bahkan memerlukan pengurusan yang efektif, kreatif dan kolaboratif dengan jabatan-jabatan lain.

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) telah dilancarkan pada tahun 2007 dan bagi PSPTN fasa 2 (2011-2015). Setiap IPT yang terlibat mempunyai tempoh beberapa bulan dalam tahun 2015 bagi memastikan PSPTN fasa 2 'Jangkauan Global Malaysia Baharu' dapat dicapai.

6. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui empat (4) inisiatif KPM iaitu Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), Sistem Penilaian Universiti Penyelidikan

(MyRA), Sistem Penarafan Institut Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA & D-SETARA) dan Sistem Pengumpulan Data IPTA (MyMOHES).

Teras ke 4 PSPTN adalah untuk memperkasakan Institusi Pengajian Tinggi dimana Penarafan IPT mengikut KPI. Setiap institusi bertanggungjawab melaksanakan aktiviti dan membekalkan data-data bagi tujuan penarafan.

7. Di persidangan kali ini, jadikan medan untuk perkongsian amalan terbaik dalam pengurusan data dan melaksanakan inisiatif bagi mencapai sasaran dan melangkaui ekpektasi pemegang taruh.

MENDEPANI CABARAN

8. Tuan-tuan dan Puan-puan,
Cabaran sebagai sebuah gedung ilmu bukan sahaja dalam mendidik masyarakat tetapi juga cabaran dalam mengurus institusi agar diiktiraf di peringkat nasional dan juga international. Universiti berdepan dengan pelbagai cabaran untuk urus tadbir dengan limitasi kewangan dan cabaran globalisasi.

Dewasa kini, pendidikan virtual dan atas talian menjadi pilihan mereka yang bekerja, bahkan merentasi benua mereka mampu mendapatkan pendidikan dan pengiktirafan dari institusi pengajian tinggi di luar negara.

Dengan ruang dan peluang yang ada, institusi mestilah terlebih dahulu diiktiraf di peringkat global sebagai institusi pendidikan yang berkualiti dan berdaya saing, barulah ia ini menjadi institusi pilihan utama.

9. Bersaing dalam meningkatkan kualiti merupakan budaya sihat yang mesti dimiliki oleh setiap organisasi. Peluang untuk diiktiraf di peringkat antarabangsa sering terbuka dan ruang untuk tambahbaik sering wujud. Gunakanlah persidangan ini untuk mewujudkan sebanyak mungkin jaringan dan perkongsian idea-idea bernas untuk digarap di institusi tuan/puan.
10. Menteri Pendidikan Malaysia dalam Perutusan Tahun Baharu 2015, Kementerian Pendidikan Malaysia, menyarankan tiga (3) langkah sektor pendidikan tinggi perlu menyusun strategi yang lebih berkesan iaitu:

Pertama, merekabentuk kurikulum holistik menerusi penilaian semula disiplin ilmu di institusi pendidikan tinggi.

Kedua, memperkasa penyelidikan dan pengkomersialan.

Ketiga, memperkukuhkan kedudukan universiti di peringkat antarabangsa.

Kedudukan universiti boleh diperkukuhkan melalui kolaborasi dengan negara luar dan juga ranking.

“Dari segi ranking universiti pula, pencapaian universiti awam pada masa ini dalam 19 subjek menunjukkan 1 bidang subjek berada pada kedudukan ranking 50 ke atas, iaitu USM dalam bidang

Sains Alam Sekitar, 10 bidang subjek berada pada kedudukan 51-100, 5 bidang subjek berada pada kedudukan 101-150 dan 3 bidang subjek berada pada kedudukan 151-200”

(Menteri Pendidikan Malaysia,

Perutusan Tahun Baharu Kementerian Pendidikan Malaysia)

11. Menurut senarai kedudukan ranking yang dikeluarkan oleh **QS World University tahun 2015** bagi negara Asia, 18 Universiti dari Malaysia telah berada dalam kedudukan itu yang menyenaraikan sebanyak 300 Universiti terbaik dari negara-negara Asia.

Dari 18 Universiti Malaysia tersebut, menduduki tempat pertama adalah Universiti Malaya dan diikuti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

12. Kedudukan Universiti terbaik Asia yang disenaraikan berdasarkan kriteria seperti sumbangan kertas projek (Research), reputasi kecemerlangan akademik, reputasi graduan yang sudah bekerja, fakulti dan kemudahan tempat pembelajaran.

Selain itu penilaian terhadap kriteria pemilihan ranking Universiti turut berdasarkan komitmen pengajaran, kesan penyelidikan, siswazah dan pandangan antarabangsa

(QS) Asia Ranking	Malaysia Ranking	Nama Universiti
32	1	Universiti Malaya (UM)
56	2	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
57	3	Universiti Sains Malaysia (USM)
66	4	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
76	5	Universiti Putra Malaysia (UPM)
145	6	International Islamic University Malaysia (IIUM)
191-200	7	Universiti Teknologi Petronas (Petronas)
201-250	8	Multimedia University (MMU)
201-250	9	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
201-250	10	Universiti Teknologi MARA – UiTM

MEMPERKASA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

13. Tuan-tuan dan Puan-puan,

Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN) telah menggariskan 7 teras dalam memperkasakan Institusi Pengajian Tinggi iaitu:

- i. Meluaskan Akses dan Meningkatkan Kualiti Tinggi
- ii. Menambahbaik Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran
- iii. Memperkasa Institusi Pengajian Tinggi
- iv. Memperkasakan Insituti Pengajian Tinggi
- v. Mempertingkatkan Pengantarabangsaan
- vi. Membudayakan Pembelajaran Sepanjang Hayat
- vii. Mengukuhkan Sistem Penyampaian Kementerian Pengajian Tinggi

14. Penarafan institusi pengajian tinggi merupakan salah satu strategi dalam Teras ke Empat iaitu memperkasakan insitituti pengajian tinggi. Selain penafaran, bagi meningkatkan kecemerlangan institusi pengajian tinggi, pemberian autonomi juga telah dilaksanakan.

15. Sehingga Jan 2015, sebanyak 12 institusi pengajian tinggi yang berstatus autonomi di mana tujuh universiti telah menerima autonomi pada tahun 2012 dan 5 pada tahun 2015. Tujuh universiti tersebut ialah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM).

16. Dengan adanya kuasa autonomi, universiti awam berkenaan bukan sahaja boleh menentukan urus tadbir dan menjana kewangan sendiri, malah meliputi pengurusan sumber manusia, pengurusan akademik serta kemasukan pelajar.

PENUTUP

17. Tuan-tuan dan Puan-Puan yang dihormati,

Akhir kata, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada jawatankuasa penganjur dan juga para peserta kerana dapat merealisasikan persidangan ini dalam membincangkan dan berkongsi amalan terbaik bagi meningkatkan ranking universiti.

Bagi mengakhiri ucapan ini, saya dengan lafaz yang mulia ***Bismillahirrahmanirrahim***, **Merasmikan Persidangan Kebangsaan Perpustakaan Akademik, 2015.**

Sekian, Wabillahi al-Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatu